

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI, 15 MAC.

(1)

1982

KUALA LUMPUR, 15 MAC. (BERNAMA) -- MALAYSIA TIDAK AKAN MEMILIK NEGARAKAN ATAU MERAMPAS SEBARANG PELABURAN ASING DI NEGARA INI DENGAN APA CARA SEKALIPUN, DEMIKIAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN DI SINI MALAM INI.

+BAGAIMANAPUN, SAYA INGIN MENEKANKAN SEKALI LAGI BAHAWA KAMI BERHAK MEMBELI SEBARANG APA YANG DIJUAL DI PASARAN.

+SEKIRANYA SAHAM-SAHAM KAMU ATAU SYARIKAT-SYARIKAT KAMU HENDAK DIJUAL MAKA KAMI BERHAK MEMBELINYA JIKA KAMI BERPENDAPAT IANYA BERPADA, +KATA PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MALAM YANG DIADAKANNYA UNTUK MERAIKAN RAKAN SEJAWATNYA DARI NEGERI BELANDA, ENCIK ANDRIES A.M. AGT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, TERDAPAT BEBERAPA PERCUBAAN UNTUK MENAKUT-NAKUTKAN PARA PELABUR DENGAN KATA-KATA KONONNYA MALAYSIA AKAN MEMILIK NEGARAKAN DENGAN MEMBELI DARIPADA MEREKA YANG BERSEEDIA UNTUK MENJUAL.

—BERSAMBUNG 2144/AN

MAHATHIR-MALIK 2 KUALA LUMPUR ㊦'㊦'㊦'

KATANYA, + KAMMI BERHARAP TAFSIRAN YANG KAURT SEPERTI ITU TENTANG APA YANG BERLAKU DALAM PASARAN TIDAK AKAN D DITERIMA OLEH ANDA+.

TERDAHULU, PERDANA MENTERI MEMBERITAHU RAKAN SEJAWATNYA BAHAWA MALAYSIA MENGALU-ALUKAN PELABURAN ASING DAN GEMBIRA MELIHAT MENINGKAKANYA MINAT PARA PENIAGA BELANDA TERHADAP PELUANG-PELUANG PELABURAN DI MALAYSIA.

+SAYA INGIN MEMBERI JAMINAN BAHAWA PELABURAN ANDA ADALAH DIPERLINDUNGI, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENGETAHUI BAHAWA AHLI-AHLI PERNIAGAAN BELANDA ADALAH PRAGMATIS DAN MEMAHAMI BAHAWA +DASAR KAMI MENGENAI PELABURAN ASING ADALAH UNTUK KEBAIKAN KAMI+.

+SEKIRANYA ANDA MENDAPAT FAEDAH, KAMA ITU ADALAH HAK ANDA DAN KAMI TIDAK MEMBANTAH, + TAMBAH BELIAU.

—BERSAMBUNG 2154/AN

B714

MAHATHIR - MILK 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, SEJAK AKHIR-AKHIR INI MALAYSIA MENJADI BOSAN DENGAN APA YANG DIKATAKAN SEBAGAI PASARAN BEBAS BAGI BARANG DAGANGAN TERUTAMA SEKALI BIJAH TIMAH.

+KAMI MELIHAT SATU SISTEM YANG TELAH PUN BANYAK MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA PENGGUNA-PENGGUNA DIGUNAKAN SECARA PASARAN YANG TIDAK BEBAS YANG MENIMBULKAN KEADAAN BURUK DALAM EKONOMI KAMI.

+DISEBABKAN OLEH BERBAGAI CARA MANIPULASI TERHADAP BURSA LOGAM, HARGA BIJAH TIMAH TELAH MEROSOT BEGITU RENDAH SEKALI SEHINGGA MEMERLUKAN CAMPURTANGAN DARI PERJANJIAN TIMAH ANTARABANGSA (ITA) YANG BERERTI MALAYSIA SEBALIKNYA TERPAKSA MEMBERI SUMBANGAN SEBANYAK KIRA-KIRA \$100 JUTA, +

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, YANG DEMIKIAN MALAYSIA SEDANG Mencari JALAN LAIN BAGI PEMASARAN TIMAH SERTA MENGHADKAN PENGELUARAN SUPAYA MENGURANGKAN PERGANTUNGANNYA KEPADA BIJAH TIMAH SEBAGAI SUMBER PENDAPATANNYA. - BERSAMBUNG 2253/BW

MAHATHIR-MILIK 4 KUALA LUMPUR

+KAMI MENGGESA SUPAYA DITUBUHKAN SATU PERSATUAN PENGELUAR, BUKANNYA UNTUK MENAIKKAN HARGA ATAU UNTUK MENGGUGAT DUNIA, TETAPI UNTUK MENDAPATKAN HARGA YANG BERPATUTAN SAMBIL TERUS KEKAL DALAM PASARAN, + TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERHARAP, NEGERI BELANDA AKAN MEMAHAMI LANGKAH MALAYSIA INI DAN TIDAK AKAN MENGHALANGNYA.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA JUMLAH DAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGERA BERKENAAN ADALAH BESAR, TETAPI KATANYA, IMPORT TERSEBUT BUKANLAH UNTUK NEGERI BELANDA, BAHKAN NEGERI ITU MENJADI PINTU MASUK KE EROPAH.

+KAMI BERHARAP PERDAGANGAN TERUS YANG SEBENAR DENGAN BELANDA AKAN MENINGKAT.

MENYENTUH KEADAAN DI INDOCHINA, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA SERTA RAKAN-RAKAN ASEANNYA AKAN TERUS BERUSAHA Mencari satu penyelesaian politik yang kekal kepada pertikaian KAMPUCHEA BERDASARKAN KEPADA KEPUTUSAN BANGSA-BANGSA BERSATU. -- BERSAMBUNG 2253/AI

MAHATHIR-MILIK 5 KUALA LUMPUR

+KAMI TELAH MENJELASKAN BAHAWA KAMI TIDAK DAPAT MENERIMA CAMPURTANGAN TENTERA SEBAGAI SATU CARA MENYELESAIKAN MASALAH SERANTAU. RAKYAT SESEBUAH NEGARA MESTILAH DIBERIKAN HAK BAGI MENENTUKAN CORAK KERAJAAN YANG MEREKA MAHUKAN, + TAMBAHNYA.

BERHUBUNG INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA MENGHARGAI PERHATIAN BERAT YANG DIBERIKAN OLEH NEGERI BELANDA DAN BAHAWASANYA IA SAMA BERSEPENDAPAT DENGAN MALAYSIA MENGENAI PENYELESAIAN DAMAI TERHADAP PERTIKAIAN KAMPUCHEA ITU. -- BERNAMA 2255/